



DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad (tengah) bertanyakan sesuatu mengenai robot dari Pengarah Makmal Electrotechnical di Tsukuba, Encik Itaru Todoroki (kanan).

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Dr. M tegur sikap peniaga kita

Oleh BAKAR ISMAIL

TOKYO, Rabu — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyeru para peniaga Malaysia mengamalkan perniagaan secara Sogososha untuk meningkatkan urusan perniagaan mereka.

Perdana Menteri memberitahu para wartawan Malaysia di Istana Akasaka malam ini bahawa beliau tidak puas hati kerana Sogososha Malaysia masih belum berjalin.

Datuk Seri Dr Mahathir menarik perhatian bahawa antara sebab Sogososha Malaysia tidak bergerak ialah kerana "peniaga kita agak mudah bertelingkah antara satu sama lain sedangkan peniaga Jepun menerusi Sogososhanya bukan hanya bersaing dalam perniagaan malah kadangkala bekerjasama.

Dalam perniagaan, kata beliau, kadangkala menang mendapat keuntungan dan ada kalanya pula rugi.

Beliau berkata para peniaga Malaysia hanya memikirkan keuntungan dan oleh itu, "sekiranya berlaku kerugian mereka perlulah sanggup membahagi-bahagikannya sesama sendiri agar kerugian itu tidaklah menjadi begitu berat sangat."

Rapat

Mereka perlu bekerjasama dalam urusan perniagaan mereka, kata Perdana Menteri.

Dalam sidang akhbar pertamanya dengan wartawan Malaysia, Perdana Menteri menjelaskan hubungannya dengan Encik Yasuhiro Nakasone adalah rapat dari tingkah yang ditunjukkan ketika beliau di sini.

Beliau menafikan Perdana Menteri Jepun itu seorang yang jujur dan bertindak dengan positif dan cepat.

Menjawab satu soalan, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan Jepun bersejua mengeluarkan sebanyak \$2 juta bagi membiayai makmal bahasa Jepun di Universiti Malaya.

Pada mulanya, kata Perdana Menteri, projek itu diperuntukkan sejumlah

lah \$1 juta sahaja untuk pembinaan secara pasang siap.

Tetapi, tambahnya, Jepun tidak mahu bangunan itu dibuat dengan cara begitu dan mahukan sebuah bangunan yang lebih kekal. Tambahan \$800,000 lagi akan didapati di Malaysia sebagai mengisi kekurangan dari jumlah sebenar projek ini iaitu \$2.8 juta.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah hari ini melawat Kota Sains Tsukuba, 60 km dari sini.

Mereka dibawa ke tiga pusat sains Jepun iaitu makmal elektro teknikal, Institut Penyelidikan Kebangsaan untuk Logam dan Pusat Institut Tsukuba.